

# **UCAPAN PERASMIAN**

oleh

Dato' Sri Haji Fadillah bin Haji Yusof

Menteri Kerja Raya Malaysia

---

## **SEMINAR MEMPERKASAKAN KUALITI DALAM PEMBINAAN**

30 Oktober 2014

Hotel The Royale Chulan, Jln. Conlay, Kuala Lumpur

---

Yang Berbahagia Dato' Sri Ir Dr Judin Abdul Karim,  
Ketua Eksekutif CIDB Malaysia

Yang Berbahagia Datuk Seri Hj. Ahmad Phesal Bin Hj. Talib  
Datuk Bandar Kuala Lumpur

Ahli Lembaga Pengarah dan pengurusan CIDB

Pengurusan Tertinggi dan Pegawai-pegawai di bawah  
Kementerian Kerja Raya dan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur,

Rakan-rakan strategik MoU, para-penggiat industri, rakan  
media, para peserta seminar

Para hadirin yang dihormati sekalian.

Assalamu'alaikum warrahmatullahi wabarakatuh

Salam Sejahtera dan Salam 1 Malaysia

1. Alhamdulillah, terlebih dahulu marilah kita bersama-sama memanjatkan kesyukuran ke hadrat Allah SWT kerana di atas limpah kurnia-Nya, kita semua dapat hadir ke majlis yang penuh bermakna ini, iaitu Seminar Memperkasakan Kualiti Dalam Pembinaan.

2. Kualiti sememangnya satu perkara tunggal di dalam industri pembinaan. Oleh itu, saya berasa amat berbangga melihat jumlah kehadiran para penggiat industri yang sangat memberangsangkan pada hari ini.

Hadirin yang dihormati sekalian,

3. Industri pembinaan merupakan antara industri terpenting yang menyumbang kepada ekonomi Negara. Pelbagai inisiatif telah dijalankan oleh kerajaan dari semasa ke semasa bagi terus memacu pertumbuhan di dalam sektor pembinaan. Pada tahun 2013, sektor pembinaan telah berkembang pada tahap 10.9 % dengan jumlah nilai projek-projek pembinaan sebanyak RM124 bilion. Daripada jumlah ini 30% atau RM38 bilion adalah projek-projek kediaman, 41% atau RM51 bilion adalah projek-projek bukan kediaman, 8% atau RM9 bilion merupakan projek kemudahan sosial dan 21% atau RM26 bilion merupakan projek-projek infrastruktur.

4. Jika kita lihat pecahan mengikut negeri pula, daripada 7,938 projek yang dilaksanakan pada tahun 2013, Selangor mempunyai jumlah projek yang tertinggi, iaitu 1,502 projek bernilai RM29.5 bilion, diikuti dengan Johor sebanyak 1,416 projek yang bernilai RM19.5 bilion dan Wilayah Persekutuan sebanyak 746 projek yang bernilai RM18.4 billion. Sebahagian besar daripada projek-projek pembinaan ini merupakan projek-projek pembinaan kediaman yang menggambarkan senario permintaan perumahan yang tinggi di ketiga-tiga negeri tersebut.

5. Permintaan ke atas perkhidmatan pembinaan dijangkakan kekal rancak pada tahun ini dengan pertumbuhan setakat pertengahan pertama sebanyak 14.3%. Kementerian juga menjangkakan pertumbuhan tahun ini dan pada tahun 2015 akan kekal mencapai angka dua digit berdasarkan projek-projek pembinaan yang telah diumumkan di dalam Bajet 2015.

6. Apa yang ingin saya tekankan pada hari ini adalah, di dalam keghairahan kita mendapatkan projek selaras dengan kepakaran yang ada, kita perlu minitikberatkan isu-isu kualiti dan keselamatan. Di sebabkan itulah Pindaan Akta 520 (2011), yang telahpun diluluskan dan diwartakan oleh parlimen, memberi penekanan terhadap aspek-aspek kualiti, dan elemen

keselamatan yang dikira mampu meningkatkan lagi profesionalisme dalam industri binaan. Secara keseluruhannya, penambahbaikan yang diperuntukkan di dalam akta ini adalah untuk melindungi pengguna dan kontraktor yang berdaftar dengan CIDB.

7. Saya ingin mengambil kesempatan untuk menerangkan serba sedikit penambahbaikan yang diperuntukkan di dalam pindaan Akta ini. Pertama sekali, penalti terhadap kesalahan kontraktor yang gagal berdaftar dengan CIDB akan dinaikkan kepada maksimum RM100,000.00 berbanding RM50,000 sekarang. Kenaikan penalti ini bukanlah untuk menghukum kontraktor, tetapi sebaliknya, kita mahu kek ekonomi dalam industri binaan ini dapat dinikmati hanya oleh kontraktor-kontraktor yang sah berdaftar dan memenuhi peruntukkan undang-undang.

8. Keduanya, Pindaan Akta 520 ini mewajibkan kontraktor memastikan keselamatan bangunan semasa atau selepas kerja pembinaan disiapkan. Pada masa ini, tanggungjawab kontraktor terhadap semasa pembinaan dan juga 'defect-liability period' seperti yang termaktub di dalam kontrak dengan pemilik projek. Pemilik projek pula bertanggungjawab mengikut Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974. Tetapi persoalan timbul sekiranya bangunan itu tidak dibina dengan betul dan menjadi

tidak selamat, kontraktor perlu bertanggungjawab secara statutori. Oleh itu bagi melindungi masyarakat umum, apabila Pindaan Akta 520 ini dikuatkuasakan kelak, kontraktor akan bertanggungjawab terhadap keselamatan bangunan walaupun projek telah selesai dan diserahkan kepada pemilik.

9. Perubahan ketiga yang dilihat mampu meningkatkan kualiti dan tahap keselamatan pembinaan adalah mewajibkan semua penyelia tapak, pekerja binaan mahir dan personnel binaan untuk mendaftar dengan CIDB. Sekiranya mereka tidak memiliki perakuan pendaftaran yang sah (atau Kad Hijau), individu berkenaan akan dikenakan denda tidak melebihi RM5,000. Pada masa sekarang, hanya Kontraktor yang akan dikenakan tindakan disiplin jika mengambil pekerja yang tidak memegang kad hijau yang sah. Kad hijau ini adalah penting kerana ia memberi maklumat tentang kepakaran dan kemahiran seseorang personnel binaan dan ia juga dilengkapkan dengan skim perlindungan takaful 24 jam ke atas pekerja tersebut. Selain itu, pindaan akta ini juga mewajibkan semua penyelia binaan dan pekerja mahir diakreditasikan oleh CIDB bagi menjalankan kerja-kerja ditapak bina.

10. Perkara yang terakhir yang ingin saya tekankan di sini adalah peruntukkan kualiti bahan binaan yang digunakan dalam pembinaan. Pindaan Akta 520 ini memberi mandat

kepada CIDB untuk menguatkuasakan kualiti bahan binaan yang dibutirkan di dalam Jadual Keempat Akta tersebut iaitu termasuk produk seramik, produk sanitari, simen, aluminum, *fibre cement flatsheet not containing asbestos*, bahan-bahan menebat haba dan *float glass*.

11. Saya percaya Pindaan Akta 520 ini akan dapat meningkatkan lagi akauntabiliti, integriti serta profesionalisme industri pembinaan di Malaysia, dan seterusnya meningkatkan kualiti hasil kerja pembinaan secara keseluruhannya. Di dalam Seminar hari ini, saya pasti maklumat terperinci mengenai Pindaan Akta ini akan dapat disampaikan dan para hadirin juga akan dapat mengemukakan apa-apa soalan untuk mengetahui lebih jelas mengenai implikasi Pindaan Akta ini kepada industri.

Hadirin yang dihormati sekalian,

12. Pada hari ini, kita amat bertuah kerana dapat melihat sendiri penggiat-penggiat industri yang telah memberi komitmen mereka kepada pencapaian kualiti yang tinggi dalam pembinaan, melalui perlaksanaan program QLASSIC (sebutan Q-LASIK). Mereka ini terdiri daripada Dewan Bandaraya Kuala Lumpur yang bertanggungjawab melaksanakan sejumlah besar projek-projek pembinaan di Lembah Klang, dan juga syarikat-syarikat kontraktor dan pemaju terkemuka di negara

ini. Organisasi-organisasi ini jelas memandang serius isu kualiti dan bersedia meningkatkan kualiti hasil kerja mereka melalui penilaian QLASSIC, yang pada masa ini masih dilaksanakan secara sukarela.

13. Saya difahamkan CIDB kini sedang di dalam usaha mempromosikan Program QLASSIC kepada orang ramai, terutamanya pembeli rumah, supaya mereka lebih peka tentang QLASSIC yang dapat membantu mereka dalam mengenalpasti rumah yang akan mereka beli itu melaksanakan penilaian kualiti.

14. Bagi pembeli rumah, ini dapat memastikan ratusan ribu wang yang mereka laburkan dalam membeli rumah disalurkan kepada projek yang mendapat markah QLASSIC yang tinggi. Ini penting, kerana di dalam pasaran hartanah perumahan yang semakin hangat ini, mungkin terdapat syarikat-syarikat “fly-by-night” yang ingin mengambil untung cepat dengan menceburkan diri sebagai pemaju perumahan. Pemarkahan QLASSIC akan dapat membezakan diantara pemaju yang serius di dalam menawarkan hasil berkualiti kepada pembeli dan pelabur, dari mereka yang hanya ingin mengejar keuntungan besar.



15. Pada masa yang sama, sistem QLASSIC ini telah mendapat perhatian daripada Unit Penyelarasan dan Perlaksanaan, Jabatan Perdana Menteri, yang baru-baru ini telahpun mengeluarkan arahan kepada lima Kementerian, dan JPM sendiri untuk memberi senarai projek untuk dinilai menggunakan QLASSIC. Lima Kementerian tersebut adalah Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah, Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Kementerian Pendidikan Malaysia, dan Kementerian Dalam Negeri. Keseluruhannya, terdapat 26 projek kerajaan yang sedang dinilai kualiti hasil kerja pembinaannya menggunakan QLASSIC. Saya juga berasa bangga kerana Jabatan Kerja Raya (JKR) yang merupakan agensi pelaksana bagi projek-projek kerajaan turut terlibat di dalam penambahbaikan QLASSIC melalui CIS:7, 2014, yang akan dilancarkan hari ini. Oleh itu, adalah bertepatan sekali bagi JKR untuk mewajibkan penilaian QLASSIC bagi kesemua projek seliaannya, bagi menilai prestasi kontraktor-kontraktor yang dilantik, dan juga memastikan kualiti pembinaan bagi projek-projek pembinaan bangunan kerajaan meningkat.

16. Selain itu, Lembaga Jurutera dan Lembaga Arkitek juga boleh memastikan markah QLASSIC sesuatu projek di muatkan di dalam borang untuk mendapatkan Sijil Perakuan Siap dan Pematuhan (Certificate of Completion and

Compliance) sebagai salah satu cara bagi memastikan aspek-aspek kualiti dititik-beratkan di dalam semua projek pembinaan bangunan.

17. Sebelum saya akhiri ucapan ini, saya ingin mengucapkan tahniah kepada Datuk Bandar Kuala Lumpur, yang telah mengambil inisiatif untuk menjalin kerjasama dengan CIDB di dalam program-program yang akan meningkat kualiti pembinaan, termasuk melaksanakan Penilaian QLASSIC, Penilaian SHASSIC atau Safety and Health Assessment System in Construction, Penilaian dan Akreditasi Pekerja Mahir dan Penyelia Tapak Bina dan Penilaian SCORE (iaitu SME Competitive Rating for Enhancement). Saya juga ingin merakamkan penghargaan kepada kesemua syarikat pemaaju yang terlibat dalam menandatangani MoU untuk pelaksanaan QLASSIC, para pembentang kertas kerja, dan juga tuan-tuan dan puan-puan yang hadir ke seminar ini.

18. Dengan lafaz Bismillahirrahmannirrahim, saya dengan ini merasmikan Seminar Memperkasakan Kualiti Dalam Pembinaan.

Terima Kasih.